

Dr M mahu ketelusan dalam rundingan TPPA
Malaysian Insider
July 13 , 2013
Oleh Rita Jong

Tun Dr Mahathir Mohamad mahu Putrajaya berterus terang dalam rundingan untuk pakatan perdagangan baru, Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA). Beliau berpendapat ia tidak adil dan hanyalah cubaan Amerika untuk membuka pasaran domestik dalam negara-negara kecil.

Bekas perdana menteri itu juga berkata kerajaan patut mengabaikan tarikh akhir Oktober bagi rundingan perdagangan itu yang kini membabitkan 12 negara Pasifik termasuk China yang akan menyertai pakatan itu.

"Kita banyak bercakap mengenai ketelusan. Mari kita lihat ketelusan berkaitan rundingan TPP ini. Amaran Oktober itu patut diabaikan dan biar China menyertainya," katanya pemimpin berpengaruh itu dalam blognya, chedet.cc semalam.

Kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak memberikan komitmen kepada rundingan yang bermula sejak lebih dua tahun lalu dan dijangka mencapai kata akhir persetujuan menjelang rangka lawatan Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama ke Asia Tenggara Oktober depan.

Bagaimanapun, banyak kumpulan menentang rundingan itu dan meminta butir terperinci pakatan itu kerana bimbang ia akan menyebabkan peningkatan persaingan serta kenaikan harga untuk ubat kerana corak penguatkuasaannya nanti tidak membenarkan penggunaan ubat generik.

Rundingan TPPA akan datang dijadualkan berlangsung di Kota Kinabalu, Sabah bermula 18 Julai ini.

Dalam entri blognya, Dr Mahathir berkata, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) mendesak rundingan perdagangan dilakukan secara rahsia dan tanpa dibahaskan secara umum atau dalam kerajaan.

"Saya berpendapat ia bukan amalan yang baik. Cuba lihat rekod perdagangan dan perjanjian rundingan lain yang dibuat kerajaan Malaysia. Kebanyakannya tidak memberi kelebihan kepada Malaysia. Malah, ia akhirnya menyebabkan Malaysia menerima terma yang tidak berpihak kepada kita," katanya memetik perjanjian air antara Malaysia dan Singapura, kira-kira 50 tahun lalu.

Perdana Menteri Malaysia yang paling lama berkhidmat iaitu 1981 - 2003 itu turut berkata, negara membeli pesawat pejuang F/A-18 daripada Amerika Syarikat (AS) walaupun sebenarnya hanya mahu membeli MiG-29s buatan Rusia.

"Saya kira orang yang membuat keputusan itu tahu mengapa mereka perlu ada F/A-18. Malangnya, dalam perjanjian pembelian itu tidak termasuk kod sumber dan tanpa kod itu, F/A-18 hanya boleh melakukan misi penerbangan yang dibenarkan oleh AS.

"Sehingga kini, pesawat pejuang yang sangat mahal itu hanya boleh digunakan untuk pameran di LIMA," katanya.

Jet pejuang itu dibeli pada 1992 ketika Najib adalah Menteri Pertahanan dalam Kabinet Dr Mahathir.

Dr Mahathir juga menentang Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) mengenai kereta yang dibuat di negara ahli, kerana katanya, Proton dibuat menggunakan 90 peratus bahan tempatan dengan kos lebih tinggi daripada kereta bukan Asean yang dipasang di 10 negara Asean.

"Sementara kereta ini membanjiri pasaran Malaysia, agak sukar untuk melihat Proton di negara-negara Asean. Perunding itu mungkin fikir mereka dapat urus niaga yang bagus, tetapi, saya tidak berfikir begitu. Kita hanya membuka pasaran kita kepada negara yang pasarnya tertutup," katanya.

Bekas perdana menteri itu juga menyentuh mengenai perunding Malaysia yang gagal dalam kes mendapatkan kedaulatan ke atas Pulau Batu Puteh kepada Singapura. Malah, selepas Pulau Batu Puteh menjadi milik Singapura sekalipun, Malaysia masih juga tidak dapat berunding mengenai pembinaan jambatan baru untuk menggantikan Tambak Johor antara kedua-dua negara itu dan menyelesaikan isu dana pencen.

"Tetapi kita menyerahkan tanah kereta api kita bernilai billion ringgit kepada Singapura untuk tujuan sia-sia dan sekarang kita perlu minta kebenaran Singapura untuk membina kereta laju kita.

"Lihat semua persetujuan yang kita buat dan anda akan dapati tidak ada yang memberi kelebihan kepada kita," katanya.

Di sebalik semua ini, Dr Mahathir berkata, penggantinya kini mahu menerima TPPA yang diilhamkan AS. "Ini adalah satu lagi cubaan Amerika untuk membawa masuk syarikat besar mereka menembusi pasaran domestik negara kecil, terutama pemerolehan kerajaan.

"Bila GATT (Perjanjian Am Tarif dan Perdagangan) gagal, mereka cipta WTO (Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa) bagi tujuan sama. Itu juga gagal. Mereka kemudian cipta APEC (Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik). Mereka masih tidak boleh mencapai objektif. Mereka memperkenalkan perjanjian perdagangan bebas dua pihak. Kemudian mereka mempromosikan dunia globalisasi, dunia tanpa sempadan yang membolehkan wang pergi ke mana-mana, menghancurkan ekonomi dan kemudian menarik balik. Kita tidak akan lupa mereka buat semua ini pada 1997 dan 1998.

"Tetap juga mereka tidak dapat pemerolehan Kerajaan. Sekarang mereka cipta TPP, kerjasama yang tidak adil, yang kuat mengambil kesempatan kepada yang lemah," katanya.

Beliau berkata, pakatan itu diikat secara undang-undang dan mana-mana pelanggaran perjanjian akan menyebabkan kerajaan Malaysia disaman oleh syarikat besar Amerika Syarikat dengan nilai berbilion ringgit.

"Saya ragu kemampuan kita untuk meyakinkan penimbangtara atau mahkamah antarabangsa. Kita langsung tidak dapat meyakinkan Mahkamah Dunia mengenai Pulau Batu Puteh.

"Mereka akan ada peguam terbaik. Kita akan kehabisan dana untuk membayar peguam kita yang kurang pengalaman. Akhirnya, kita akan kalah dan bayar ganti rugi dan yuran yang berbilion ringgit. Kita akan terus membayar hingga kita akur dan menurut. Apabila kita

menurut kehendak mereka, kita akan hilang lebih banyak wang," katanya.

Pemimpin yang masih mengelilingi dunia dan menawarkan pendapatnya mengenai pelbagai isu itu berkata, Malaysia mempunyai isu domestik seperti Dasar Ekonomi Baru (NEP) yang menggunakan tindakan tegas.

"Sesiapa yang bercakap mengenai NEP dilabelkan sebagai perkauman oleh pegawai kita. Ketika serangan matawang berlaku, tujuannya adalah untuk mengawal ekonomi kita. Kita melawan kerana pada masa itu kita masih bebas.

"Tetapi selepas kita tandatangani TPP, kita akan terikat tangan dan kaki. Tiada lagi kawalan modal. Kita akan dijajah lagi. Benar kata Presiden Sukarno mengenai neo-kolonialisme," katanya.

Dr Mahathir juga mendakwa Miti sudah bersedia untuk setuju dengan TPPA dan tidak akan melayan sebarang bantahan.

"Miti hendak buat semua ini secara rahsia. Kita tidak hukum orang yang membuat perjanjian yang menjejaskan kepentingan negara. Jadi, tiada kerugian apa-apa bagi mereka.

"Tetapi, ini adalah negara saya, sama seperti pegawai kerajaan dan ahli politik. Jika orang secara rahsia melakukan sesuatu yang merosakkan negara saya, saya ada hak untuk membuat aduan," katanya. - 13 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dr-m-mahu-ketelusan-dalam-rundingan-tpa/>